



06 MAY, 2024

Naik taraf Pasar Tamu Sarikei siap September

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Naik taraf Pasar Tamu Sarikei siap September

SARIKEI: Proses menaik taraf Pasar Tamu Sarikei dijangka siap sepenuhnya pada September ini.

Menurut Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak, Ramli Mat Sani, projek naik taraf tersebut bernilai sekitar RM1 juta.

"Projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) ini telah dilancarkan sebelum Ramadan lalu dan diserahkan kepada pihak kontraktor dan kini dalam proses pembangunan.

"Ia dijangka disiapkan pada September ini. Dari segi perkembangannya, jika dilihat di tapak projek, mereka (kontraktor) telah

menanam cerucuk (piling) dan kerja-kerja tanah telah selesai. Cuma ia perlukan struktur bumbung, jadi kerja-kerja struktur bumbung dibuat di dalam kilang.

"Bila dah siap di kilang, ia akan di bawa ke tapak projek dan akan dipasang," katanya ketika ditemui media selepas merasmikan pasar tani Selalang, semalam.

Katanya, pihaknya yakin dan percaya pihak kontraktor yang dilantik adalah kontraktor yang berkaliber.

Tambahnya, setelah siap nanti, sekitar 200 peniaga boleh ditempatkan di pasar tamu berbumbung tersebut.



SIMBOLIK... Ramli Mat Sani merasmikan Pasar Tani Selalang, kelmarin.



06 MAY, 2024

Naik taraf Pasar Tamu Sarikei siap September

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SARIKEI: Proses menaik taraf Pasar Tamu Sarikei dijangka siap sepenuhnya pada September ini. Menurut Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak, Ramli Mat Sani, projek naik taraf tersebut bernilai sekitar RM1 juta."Projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) ini telah dilancarkan sebelum Ramadan lalu dan diserahkan kepada pihak kontraktor dan kini dalam proses pembangunan.^"la dijangka disiapkan pada September ini.